



28 Jun 2023
28 June 2023
P.U. (A) 196

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH PERDAGANGAN STRATEGIK
(BARANG STRATEGIK) (PINDAAN) 2023

*STRATEGIC TRADE (STRATEGIC ITEMS)
(AMENDMENT) ORDER 2023*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERDAGANGAN STRATEGIK 2010
PERINTAH PERDAGANGAN STRATEGIK (BARANG STRATEGIK) (PINDAAN) 2023

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Akta Perdagangan Strategik 2010 [*Akta 708*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perdagangan Strategik (Barang Strategik) (Pindaan) 2023**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2023.

Pindaan Jadual

2. Perintah Perdagangan Strategik (Barang Strategik) 2010 [*P.U. (A) 485/2010*] dipinda dalam Jadual—

(a) dalam Bahagian 1: Senarai Barang Ketenteraan—

(i) berhubung dengan Kod Kategori ML1, dalam ruang Nota, dengan memasukkan selepas butiran d. butiran yang berikut:

“e. Pistol yang direka bentuk khas untuk mana-mana yang berikut:

1. Penyembelihan haiwan domestik; atau
2. Menenangkan haiwan.”; dan

(ii) berhubung dengan Kod Kategori ML2, dalam ruang Perihalán Barang—

(A) dengan menggantikan butiran b. dengan butiran yang berikut:

“b. Projektor, yang direka bentuk khas atau diubah suai untuk kegunaan ketenteraan, seperti yang berikut:

1. Projektor kanister asap;
2. Projektor kanister gas;
3. Projektor piroteknik;”;

(B) dengan menggantikan butiran c. dengan butiran yang berikut:

“c. Aksesori yang direka bentuk khas bagi senjata yang dinyatakan dalam ML2.a. seperti yang berikut:

1. Pejera senjata dan pemasangan pejera senjata, yang direka bentuk khas untuk kegunaan tentera;
2. Peranti pengurangan pengesanan senjata;
3. Cagak;
4. Magazin yang kartrijnya boleh ditanggalkan;” dan

(C) dengan menggantikan butiran d. dengan butiran yang berikut:

“d. Tidak digunakan sejak 2019.”;

(iii) berhubung dengan Kod Kategori ML5, dalam ruang Perihal Barang, dengan menggantikan perkataan “Kawalan kebakaran, dan peralatan pemberi awasan dan amaran yang berkaitan” dengan perkataan “Peralatan kawalan kebakaran, pengawasan dan amaran yang berkaitan”;

(iv) berhubung dengan Kod Kategori ML7, dalam ruang Perihal Barang—

(A) dengan menggantikan butiran a. dengan butiran yang berikut:

“a. “Agen biologi” atau bahan radioaktif yang dipilih atau diubah suai untuk meningkatkan keberkesannya dalam mengakibatkan kemudaratan kepada manusia atau haiwan, mendegradasi peralatan atau merosakkan tanaman atau alam sekitar;” dan

(B) dengan menggantikan subbutiran f.2 dengan subbutiran yang berikut:

“2. Peralatan yang direka bentuk atau diubah suai bagi dekontaminasi barang yang terkontaminasi dengan bahan-bahan yang dinyatakan dalam ML7.a. atau ML7.b., dan komponennya yang direka bentuk khas;”;

(v) berhubung dengan Kod Kategori ML8—

(A) berkenaan dengan butiran c., dalam ruang Nota, dengan menggantikan Nota dengan nota yang berikut:

“Nota 1: ML8.c.1. tidak terpakai kepada bahan api “pesawat udara”: JP-4, JP-5, dan JP-8.

Nota 2: Bahan api “pesawat udara” yang dinyatakan dalam ML8.c.1. adalah produk siap, tidak termasuk jujuknya.”; dan

(B) berkenaan dengan subbutiran c.10.b., dengan menggantikan Nota dengan nota yang berikut:

“Nota 1: Nota ML8.c.10.b. tidak terpakai bagi bahan api fosil yang ditapis atau bahan api bio, atau bahan api untuk enjin yang telah disahkan bagi kegunaan penerbangan awam.”;

(vi) berhubung dengan Kod Kategori ML9—

(A) berkenaan dengan subbutiran a.1., dalam ruang Nota, dengan memasukkan selepas butiran N.B. nota yang berikut:

“Nota: ML9.a.1. termasuklah kenderaan yang direka bentuk khas atau diubah suai bagi penghantaran penyelam.”;

(B) dalam ruang Perihaln Barang, dengan menggantikan subbutiran b.1. dengan subbutiran yang berikut:

“Enjin disel yang direka bentuk khas bagi kapal selam.”;

(C) berkenaan dengan subbutiran b.3.—

- (i) dalam ruang Perihaln Barang, dengan menggantikan perkataan “Enjin disel bukan magnetik” dengan perkataan “Enjin disel”; dan
- (ii) dengan memasukkan dalam ruang Nota, nota teknikal yang berikut:

“Nota Teknikal:

Untuk kegunaan ML9.b.3., 'bukan magnetik' ertinya kebolehtelapan relatif yang kurang daripada 2.”; dan

(D) berkenaan dengan butiran h.—

- (i) dalam ruang Perihaln Barang, dengan menggantikan perkataan “Peralatan nuklear tentera laut dan, peralatan dan komponen lain yang berkaitan adalah peralatan penjanaan tenaga nuclear” dengan perkataan “Peralatan penjanaan tenaga nuklear”;
- (ii) dalam Nota Teknikal—
 - a. dengan menggantikan perkataan “ML9.h.1.” dengan perkataan “ML9.h.”; dan
 - b. dengan memotong perkataan “Nota ML9.h.1. termasuk ‘reaktor nuklear’.”; dan

- (iii) dalam ruang Nota, dengan memasukkan selepas butiran terakhir butiran yang berikut:

“Nota: ML9.h. termasuklah "reaktor nuklear";

- (vii) berhubung dengan Kod Kategori ML11, berkenaan dengan butiran b., dalam ruang Perihaln Barang, dengan menggantikan perkataan “Sistem Satelit Navigasi Global (GNSS)” dengan perkataan “Sistem navigasi satelit”;
- (viii) berhubung dengan Kod Kategori ML15, dalam ruang Nota, dengan memotong Nota 1; dan
- (ix) berhubung dengan Kod Kategori ML21—

- (A) dalam ruang Perihaln Barang, dengan memasukkan selepas subbutiran b.4. subbutiran yang berikut:

<i>Perihaln Barang</i>	<i>Nota</i>
“5. “Perisian” yang direka bentuk khas atau diubah suai bagi perlakuan operasi serangan siber ketenteraan;	Nota 1: ML21.b.5. termasuklah "perisian" yang direka bentuk untuk memusnahkan, merosakkan, mengurangkan atau mengganggu sistem, peralatan atau "perisian" yang ditetapkan oleh Senarai Barang Ketenteraan EU, pengintipan siber dan

	<p>kawalan perintah siber dan kawalan “perisian”.</p> <p>Nota 2: ML21.b.5. tidak terpakai kepada “pendedahan kerentanan” atau “tindak balas insiden siber”, terhad kepada tahap kesiapsiagaan atau tindak balas pertahanan bagi keselamatan siber bukan ketenteraan.”; dan</p>
--	--

- (B) dengan memasukkan dalam ruang Nota yang terdapat bersempentangan dengan butiran c. dalam ruang Perihaln Barang nota yang berikut:

“N.B. Lihat sistem, peralatan atau komponen yang ditentukan oleh Senarai Barang Ketenteraan bagi tujuan am iaitu “komputer digital” yang dipasang dengan “perisian” yang ditetapkan oleh ML21.c.”;

(b) dalam TAKRIF ISTILAH YANG DIGUNAKAN DALAM BAHAGIAN 1—

- (i) dengan memasukkan selepas takrif istilah “Pesawat udara awam” takrif istilah yang berikut:

“ML21 “Respon insiden siber” (4) ertinya proses pertukaran maklumat yang diperlukan mengenai insiden keselamatan siber dengan individu atau organisasi

yang bertanggungjawab untuk melakukan atau menyelaraskan pemulihan untuk menangani insiden keselamatan siber.”;

- (ii) dengan memasukkan selepas takrif istilah “Bahan bertenaga” takrif istilah yang berikut:

“ML6, ML13 “Piawaian setara” (1) ertinya piawaian kebangsaan atau antarabangsa yang setara yang diiktiraf dan terpakai bagi catatan yang berkaitan.”; dan

- (iii) dengan memasukkan selepas takrif istilah “Kenderaan udara awasan automatik (‘UAV’)” takrif istilah yang berikut:

“ML21 “Pendedahan kerentanan” ertinya proses mengenal pasti, melaporkan, atau menyampaikan kerentanan terhadap, atau menganalisis kerentanan dengan, individu atau organisasi yang bertanggungjawab untuk melakukan atau mengkoordinasikan pemulihan bagi maksud menyelesaikan kerentanan itu.”;

- (c) dalam Bahagian 2, dengan menggantikan AKRONIM DAN SINGKATAN YANG DIGUNAKAN DALAM BAHAGIAN 2 dengan AKRONIM DAN SINGKATAN YANG DIGUNAKAN DALAM BAHAGIAN 2 yang berikut:

Akronim atau maksud singkatan	
ABEC	Jawatankuasa Jurutera Bearing Anulus
ADC	Pengubah Analog ke Digital
AGMA	Persatuan Pengeluar Gear Amerika
AHRS	Sistem Rujukan Altitud dan Arah

Akronim atau maksud singkatan	
AISI	Institut Besi dan Keluli Amerika
ALE	Epitaksi Lapisan Atom
ALU	Unit Logik Aritmetik
ANSI	Institut Standard Kebangsaan Amerika
APP	Prestasi Puncak yang Diselaraskan
APU	Unit Kuasa Bantuan
ASTM	Persatuan Ujian dan Bahan Amerika
ATC	Kawalan Trafik Udara
BJT	Transistor Simpang Dwikutub
BPP	Baris Parameter Produk
BSC	Pengawal Stesen Pangkalan
CAD	Reka Bentuk Bantuan Komputer
CAS	Khidmat Abstrak Kimia
CCD	Peranti Caj Ditambah
CDU	Unit Kawalan dan Paparan
CEP	Kebarangkalian Ralat Membulat
CMM	Mesin Koordinasi Pengukur
CMOS	Semikonduktor Pelengkap Logam Oksida
CNTD	Pengendapan Terma Penukleusan Terkawal
CPLD	Peranti Logik Boleh Diprogram Kompleks
CPU	Unit Pemprosesan Pusat
CVD	Pengendapan Wap Kimia
CW	Peperangan Kimia
CW (bagi laser)	Gelombang Selanjar
DAC	Pengubah Digital ke Analog
DANL	Tahap Bunyi Purata yang Dipamerkan
DBRN	Navigasi Rujukan Pangkalan Data
DDS	Pengsintesis Pengukur Terus
DMA	Analisis Mekanikal Dinamik

Akronim atau maksud singkatan	
DME	Peralatan Pengukur Jarak
DMOSFET	Transistor Kesan Medan Semikonduktor Logam Oksida Tersebar
DS	Dibekukan Berarah
EB	Pengikat Letupan
EB-PVD	Pengendapan Wap Fizikal Alur Elektron
EBW	Dawai Sambung Peledak
ECM	Pemesinan Elektro-kimia
EDM	Mesin Nyahcas Elektrik
EEPROMS	Program Padaman Elektrik bagi Ingatan Baca Sahaja
EFI	Pemula Kerajang Peledak
EIRP	Kuasa Radiasi Isotropik Berkesan
EMP	Denyutan Elektromagnetik
ENOB	Bilangan Bit Yang Berkesan
ERF	Kemasan Electrorheological
ERP	Kuasa Radiasi Berkesan
ESD	Pelepasan Elektrostatik
ETO	Tiristor Penutup Pemancar
ETT	Tiristor Pemicuan Elektrik
EUV	Ultra Ungu Ekstrem
FADEC	Kawalan Enjin Digital Kebenaran Penuh
FFT	Transformasi Fourier Pantas
FPGA	Susunan Get Medan Boleh Diprogram
FPIC	Sambungan Medan Boleh Diprogram
FPLA	Susunan Logik Medan Boleh Diprogram
FPO	Operasi Titik Apungan
FWHM	Lebar Penuh Separuh Maksimum
GSM	Sistem Global Untuk Komunikasi Mudah Alih
GLONASS	Sistem Satelit Navigasi Global
GPS	Sistem Penentuan Kedudukan Global

Akronim atau maksud singkatan	
GNSS	Sistem Satelit Navigasi Global
GISN	Nota “Maklumat Keselamatan” Umum
GTO	Tiristor Pemadam Get
HBT	Transistor Dwikutub-Hetero
HDMI	Antara muka Multimedia Definisi Tinggi
HEMT	Transistor Elektron Mobiliti Tinggi
ICAO	Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa
IEC	Suruhanjaya Elektro-teknikal Antarabangsa
IED	Peranti Peledak yang Diperbaiki
IEEE	Institut Jurutera Elektrik dan Elektronik
IFOV	Medan Pandang Seketika
IGBT	Transistor Dwi-Kutub Get Tertebat
IGCT	Tiristor Tertukartertib Get Bersepadu
IHO	Pertubuhan Hidrografi Antarabangsa
ILS	Sistem Pendaratan Instrumen
IMU	Unit Pengukuran Inersia
INS	Sistem Navigasi Inersia
IP	Protokol Internet
IRS	Sistem Rujukan Inersia
IRU	Unit Rujukan Inersia
ISA	Piawai Antarabangsa Atmosfera
ISAR	Radap Apertur Sintetik Songsang
ISO	Organisasi Antarabangsa untuk Standard
ITU	Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa
JT	Joule-Thomson
LIDAR	Pengesanan dan Penjulatan Cahaya
LIDT	Nilai Ambang Kerosakan Teraruh Laser
LOA	Panjang Keseluruhan
LRU	Unit Baris Boleh Ganti
LTT	Tiristor Picuan Cahaya
MLS	Sistem Pendaratan Gelombang Mikro

Akronim atau maksud singkatan	
MMIC	Litar Bersepadu Mikroelektrik Monolitik
MOCVD	Pengendapan Wap Kimia Organik Logam
MOSFET	Transistor Kesan Medan Semikonduktor Logam Oksida
MPM	Modul Kuasa Gelombang Mikro
MRAM	Ingatan Akses Rawak Magnetik
MRF	Kemasan Magnetorogikal
MRF	Saiz Ciri Minimum yang Boleh Dibaca
MRI	Pengimejan Resonans Magnetik
MTBF	Min-Masa-Antara-Kegagalan
MTTF	Min-Masa-Hingga-Kegagalan
NA	Apertur Berangka
NDT	Ujian Tanpa Musnah
NEQ	Kuantiti Bersih Letupan
NIJ	Institut Keadilan Kebangsaan
OAM	Operasi, Pengurusan dan Penyenggaraan
OSI	Sistem Bukaian Sambungan
PAI	Polyamide-imides
PAR	Radar Tuju Jitu
PCL	Lokasi Koheren Pasif
PDK	Kit Proses Rekaan
PIN	Nombor Pengenalan Peribadi
PMR	Radio Mudah Alih Persendirian
PVD	Pengendapan Wap Fizikal
ppm	bahagian per juta
QAM	Pemodulatan-Amplitud-Kuadratur
QE	Kecekapan Kuantum
RAP	Plasma Atom Reaktif
RF	Frekuensi Radio
rms	punca kuasa dua
RNC	Pengawal Rangkaian Radio

Akronim atau maksud singkatan	
RNSS	Sistem Satelit Navigasi Serantau
ROIC	Litar Bersepadu Bacaan
S-FIL	Litografi Tekapan Pijak dan Pancar
SAR	Radar Apertur Sintetik
SAS	Sonar Apertur Sintetik
SC	Kristal Tunggal
SCR	Penerus Terkawal Silikon
SFDR	Julat Dinamik Bebas Palsu
SHPL	Laser Berkuasa Super Tinggi
SLAR	Radar Bawaan Udara Pandang Sisi
SOI	Silikon - atas - Penebat
SPLD	Peranti Logik Atur Cara Asas
SQUID	Peranti Gangguan Kuantum Superkonduksi
SRA	Pasangan Boleh Ganti Kedai
SRAM	Ingatan Akses Rawak Statik
SSB	Jalur Sisi Tunggal
SSR	Radar Pengawasan Sekunder
SSS	Sonar Imbas Sisi
TIR	Jumlah Bacaan Tertunjuk
TVR	Tindak Balas Pemancar Volt
u	unit jisim atom
UPR	Keterulangan Posisi Terarah
UV	Ultra Ungu
UTS	Kekuatan Tegangan Muktamad
VJFET	Transistor Kesan Medan Simpangan Menegak
VOR	Julat Omni-Arah Berfrekuensi Sangat Tinggi
WHO	Pertubuhan Kesihatan Sedunia
WLAN	Rangkaian Kawasan Tempatan Tanpa Wayar

(d) dalam TAKRIF ISTILAH YANG DIGUNAKAN DALAM BAHAGIAN 2—

(i) dengan memasukkan selepas takrif istilah “Laser CW” takrif istilah yang berikut:

‘ “Respon insiden siber” (4) ertinya proses pertukaran maklumat yang diperlukan mengenai insiden keselamatan siber dengan individu atau organisasi yang bertanggungjawab untuk melakukan atau menyelaraskan pemulihan untuk menangani insiden keselamatan siber.’;

(ii) dengan memasukkan selepas takrif istilah “Ketumpatan setara” takrif istilah yang berikut:

‘ “Piawaian setara” (1) ertinya piawaian kebangsaan atau antarabangsa yang setara yang diiktiraf dan terpakai bagi catatan yang berkaitan.’;

(iii) dengan memasukkan selepas takrif istilah “Set panduan” takrif istilah yang berikut:

‘ “Pemilih keras” (5) ertinya data atau set data, berkaitan individu (cth., nama keluarga, nama diberi, e-mel, alamat jalan, nombor telefon atau gabungan kumpulan).’;

(iv) dengan memasukkan selepas takrif istilah “Kosongan substrat” takrif istilah yang berikut:

‘ “Pesawat sub-orbital” (9) ertinya suatu pesawat yang mempunyai rekaan ruangan tertutup bagi mengangkut orang atau kargo yang direka bentuk untuk:

a. beroperasi di atas stratosfera;

- b. melakukan trajektori bukan orbital; dan
 - c. mendarat kembali ke bumi bersama dengan orang atau kargo dalam keadaan tidak terjejas.’;
- (v) dengan menggantikan takrif istilah “Superaloi” dengan takrif istilah yang berikut:
- ‘ " Superaloi" (2 9) ertinya aloi berasaskan nikel, kobalt atau besi yang mempunyai hayat tegasan pecah lebih daripada 1,000 jam pada 400 MPa dan kekuatan tegangan muktamad lebih daripada 850 MPa, pada 922 K (649°C) atau lebih tinggi.’; dan
- (vi) dengan memasukkan selepas takrif istilah “Peranti Hampagas (3)” takrif istilah yang berikut:
- ‘ "Pendedahan kerentanan” ertinya proses mengenal pasti, melaporkan atau menyampaikan kerentanan terhadap, atau menganalisis kerentanan dengan, individu atau organisasi yang bertanggungjawab untuk melakukan atau mengkoordinasikan pemulihan bagi tujuan menyelesaikan kerentanan tersebut.’; dan
- (e) dalam Bahagian 2: Senarai Barang Dwi-Guna—
- (i) berhubung dengan Kategori 0 – Bahan, fasiliti dan peralatan nuklear—
 - (A) berkenaan dengan Kod Kategori 0B004, dalam ruang Perihalalan Barang, dalam subbutiran b.2., dengan

memasukkan selepas perkataan “lebih 70%” perkataan “mengikut berat hidrogen sulfida,”; dan

(B) berkenaan dengan Kod Kategori 0B006, dalam ruang Nota—

(i) dalam butiran b., dengan menggantikan perkataan “Mesin pencincang atau pencarikan elemen bahan api,” dengan perkataan “Peralatan nyahsalutan dan mesin pencincang atau pencarikan elemen bahan api”; dan

(ii) dalam butiran c., dengan menggantikan perkataan “Pelarut, tangki yang secara kritikalnya selamat (cth. tangki berdiameter kecil, anulus atau papak)” dengan perkataan “Vesel pelarut atau pelarut yang menggunakan peralatan mekanikal”;

(ii) berhubung dengan Kategori 1 - Bahan Khas dan Peralatan yang berkaitan—

(A) berkenaan dengan Kod Kategori 1A002, dalam ruang Nota, dengan memasukkan selepas Nota 4 nota yang berikut:

“Nota 5: 1A002.b.1. tidak mengawal karbon “bahan bergentian atau berfilamen” yang dipotong, dikilang atau dipotong secara mekanikal panjang 25.0mm atau kurang.”;

(B) berkenaan dengan Kod Kategori 1A005, dalam ruang Perihalalan Barang, dalam butiran b., dengan menggantikan perkataan “setara dengan tahap kebangsaan” dengan perkataan “piawaian yang setara”;

- (C) berkenaan dengan Kod Kategori 1B002, dengan menggantikan butiran dalam ruang Perihaln Barang dengan butiran yang berikut:

“Peralatan yang direka bentuk untuk menghasilkan serbuk aloi logam atau bahan zarah, dan mempunyai semua yang berikut:

(a) direka bentuk khas untuk mengelakkan pencemaran; dan

(b) direka bentuk khas untuk digunakan dalam salah satu proses yang dinyatakan dalam 1C002.c.2.”;

- (D) berkenaan dengan Kod Kategori 1C006, dalam ruang Perihaln Barang, dalam butiran d., dengan menggantikan perkataan “Bendalir penyejuk elektronik fluorokarbon yang mempunyai kesemua yang berikut:” dengan perkataan “Bendalir fluorokarbon yang direka untuk penyejukan elektronik dan yang mempunyai kesemua yang berikut:”;

- (E) berkenaan dengan Kod Kategori 1C010, dalam ruang Perihaln Barang—

- (i) dengan menggantikan subbutiran c.1. dengan subbutiran yang berikut:

“1. Mempunyai mana-mana yang berikut:

- a. terdiri daripada 50% atau lebih berat silikon dioksida dan

mempunyai “modulus tertentu”
melebihi 2.54×10^6 m; atau

b. tidak dinyatakan dalam 1C010.c.1.a.
dan mempunyai “modulus tertentu”
melebihi 5.6×10^6 m;” dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “(DMA T_g)”
dalam subbutiran e.2.c. dengan perkataan
“(DMA T_g).”;

(F) berkenaan dengan Kod Kategori 1C111, dalam teks
bahasa kebangsaan—

(i) dalam ruang Perihaln Barang, dalam
subbutiran a.5.a., dengan menggantikan perkataan
“ 40×10^6 J/kg;” dengan perkataan “ 40×10^6 J/kg;”;
dan

(ii) dalam ruang Perihaln Barang, dalam
subbutiran a.5.b., dengan menggantikan
perkataan “ 37.5×10^9 J/m³;” dengan perkataan
“ 37.5×10^9 J/m³;”;

(G) berkenaan dengan Kod Kategori 1C350—

(i) dalam ruang Perihaln Barang, dengan memasukkan
selepas butiran 65 butiran yang berikut:

“66. Methyl dichlorophosphate (CAS 677-24-7);

67. Ethyl dichlorophosphate (CAS 1498-51-7);

68. Methyl difluorophosphate (CAS 22382-13-4);

69. *Ethyl difluorophosphate (CAS 460-52-6);*
 70. *Diethyl chlorophosphite (CAS 589-57-1);*
 71. *Methyl chlorofluorophosphate (CAS 754-01-8);*
 72. *Ethyl chlorofluorophosphate (CAS 762-77-6);*
 73. *N,N-Dimethylformamide (CAS 44205-42-7);*
 74. *N,N-Diethylformamide (CAS 90324-67-7);*
 75. *N,N-Dipropylformamide (CAS 48044-20-8);*
 76. *N,N-Diisopropylformamide (CAS 857522-08-8);*
 77. *N,N-Dimethylacetamide (CAS 2909-14-0);*
 78. *N,N-Diethylacetamide (CAS 14277-06-6);*
 79. *N,N-Dipropylacetamide (CAS 1339586-99-0);*
 80. *N,N-Dimethylpropanamide (CAS 56776-14-8);*
 81. *N,N-Diethylpropanamide (CAS 84764-73-8);*
 82. *N,N-Dipropylpropanamide (CAS 1341496-89-6);*
 83. *N,N-Dimethylbutanamide (CAS 1340437-35-5);*
 84. *N,N-Diethylbutanamide (CAS 53510-30-8);*
 85. *N,N-Dipropylbutanamide (CAS 1342422-35-8);*
 86. *N,N-Diisopropylbutanamide (CAS 1315467-17-4);*
 87. *N,N-Dimethylisobutanamide (CAS 321881-25-8);*
 88. *N,N-Diethylisobutanamide (CAS 1342789-47-2);*
 89. *N,N-Dipropylisobutanamide (CAS 1342700-45-1);*
- dan

- (ii) dalam ruang Nota, dalam Nota 3, dengan menggantikan perkataan “.61, dan .62,” dengan perkataan “.61, .62, .64, .66, .67, .68, .69, .70,

.71, .72, .73, .74, .75, .76, .77, .78, .79, .80, .81, .82, .83, .84, .85, .86, .87, .88 dan .89”; dan

(H) berkenaan dengan Kod Kategori 1C351, dalam ruang Perihalán Barang, dengan memasukkan selepas butiran 58 dengan butiran yang berikut:

“59. Coronavirus berkaitan dengan sindrom pernafasan Timur Tengah (coronavirus yang berkaitan dengan MERS);”;

(iii) berhubung dengan Kategori 2 – Pemprosesan Bahan—

(A) berkenaan dengan Kod Kategori 2A001—

(i) dalam ruang Nota, dengan memotong perkataan yang berikut:

“Nota: 2A001 tidak mengawal bebola dengan toleransi yang dinyatakan oleh pengilang mengikut ISO 3290:2001 sebagai gred G5 (atau piawaian kebangsaan yang setara) atau lebih rendah.”; dan

(ii) dalam ruang Perihalán Barang, dalam butiran c., dengan menggantikan perkataan “mana-mana yang berikut:” dengan perkataan “mana-mana yang berikut, dan komponen yang direka bentuk khas untuknya.”;

(B) berkenaan dengan Kod Kategori 2B001, dengan memasukkan selepas Nota 3 nota yang berikut:

“Nota 4: Perkakas mesin yang mempunyai keupayaan pembuatan aditif sebagai tambahan kepada keupayaan memusing, mengisar atau mencanai hendaklah dinilai terhadap setiap catatan 2B001.a, b. atau c. yang terpakai.”;

(C) berkenaan dengan Kod Kategori 2B350—

- (i) dalam subbutiran g.1.a., dalam ruang Perihalhan Barang, dengan menggantikan perkataan “lebih besar daripada 10mm (3/8”)” dengan perkataan “lebih besar daripada DN 10 atau NPS 3/8”;
- (ii) dalam subbutiran g.2.a., dalam ruang Perihalhan Barang, dengan menggantikan perkataan “lebih besar daripada 25.4mm (1”) dan sama dengan atau kurang daripada 101.6mm (4”)” dengan perkataan “lebih besar daripada DN 25 atau NPS 1 sama dengan atau kurang daripada DN 100 atau NPS 4”; dan
- (iii) dalam ruang Nota, dengan memasukkan selepas Nota Teknikal 2 dalam butiran g., nota teknikal yang berikut:

“Nota Teknikal:

- 3. Saiz nominal (DN) injap adalah selaras dengan ISO 6708:1995. Saiz Paip Nominal (NPS) adalah selaras dengan ASME B36.10

atau B36.19 atau piawaian kebangsaan yang setara.”;

- (D) berkenaan dengan Kod Kategori 2B352—
- (i) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam ruang Perihalán Barang, dalam subbutiran b.1., dengan menggantikan perkataan “menyemai” dengan perkataan “mengkultur”;
 - (ii) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam ruang Perihalán Barang, dalam subbutiran b.2.a, dengan menggantikan perkataan “Kebuk penanaman” dengan perkataan “Kebuk pengkulturan”;
 - (iii) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam ruang Perihalán Barang, dalam subbutiran b.2.b, dengan menggantikan perkataan “kebuk penanaman” dengan perkataan “kebuk pengkulturan”;
 - (iv) berhubung dengan subbutiran b.1., dalam ruang Nota—
 - (A) dengan menomborkan semula Nota Teknikal sedia ada sebagai Nota Teknikal 1; dan
 - (B) dengan memasukkan selepas Nota Teknikal 1 sebagaimana yang dinomborkan semula dengan nota teknikal yang berikut:
 - “2. Peranti penahan kebuk pengkulturan termasuklah kebuk pengkulturan sekali guna dengan dinding tegar.”; dan

(v) berhubung dengan subbutiran f.2., dalam ruang Nota—

(A) dengan memasukkan selepas Nota 1 nota yang berikut:

“Nota 2: 2B352.f.2. termasuk mana-mana pengasingan yang memenuhi semua ciri yang disebut di atas, tanpa mengira penggunaan yang dimaksudkan dan penetapannya.”; dan

(B) dengan menomborkan semula Nota 2 sedia ada sebagai Nota 3; dan

(vi) berkenaan dengan Kod Kategori 2D001, dalam ruang Perihalán Barang, dalam butiran a., dengan memasukkan selepas perkataan “2B001” perkataan “hingga 2B009.”;

(iv) berhubung dengan Kategori 3 – Elektronik—

(A) berkenaan dengan Kod Kategori 3A228, dalam butiran a., dalam ruang Nota, dengan menggantikan perkataan “3A228” dengan perkataan “3A228.a.”;

(B) berkenaan dengan Kod Kategori 3B001, dalam butiran h., dalam ruang Nota, dengan memasukkan selepas Nota, nota yang berikut:

“N.B.: Untuk topeng dan retikel, yang direka bentuk khas untuk sensor optik, lihat 6B002.”;

- (C) berkenaan dengan Kod Kategori 3D003—
- (i) dengan menggantikan butiran dalam Ruang Perihal dengan butiran yang berikut:
- “ ‘Litografi berkomputer' "perisian" yang direka bentuk khas untuk "pembangunan" corak pada topeng atau retikel EUV-litografi.”; dan
- (ii) dalam ruang Nota—
- (A) dengan menggantikan Nota Teknikal dengan nota teknikal yang berikut:
- “Nota Teknikal:
- ‘Litografi berkomputer' adalah penggunaan pemodelan komputer untuk meramal, memperbetul, mengoptimum dan mengesah prestasi pengimejan proses litografi merentangi pelbagai corak, proses, dan keadaan sistem.”; dan
- (B) dengan memotong Nota;
- (D) berkenaan dengan Kod Kategori 3E002, dalam ruang Nota—
- (i) dalam butiran a., dalam Nota Teknikal, dengan memasukkan selepas perkataan “unit logik aritmetik” perkataan “dan daftar vektor sekurang-kurangnya 32 unsur bagi setiap satunya”; dan

- (ii) dalam butiran c., dengan memasukkan sebelum Nota 1 nota teknikal yang berikut:

“Nota Teknikal:

1. Bagi tujuan 3E002.a. dan 3E002.b., 'titik-terapung' ditakrifkan oleh IEEE-754.
2. Bagi tujuan 3E002.c., 'titik-tetap' merujuk kepada nombor nyata kelebaran tetap dengan kedua-dua komponen integer dan pecahan, dan yang tidak termasuk format integer.”; dan

- (E) dengan memasukkan selepas Kod Kategori 3E003 dengan kod kategori yang berikut:

<i>Kod Kategori</i>	<i>Perihal Barang</i>	<i>Nota</i>	<i>Pihak Berkuasa yang Berkenaan</i>
“3E004	“Teknologi" "diperlukan" untuk menghiris, mengisar dan menggilap wafer silikon berdiameter 300mm	Nota Teknikal: Bagi tujuan 3E004 'SFQR' adalah julat sisihan maksimum dan	Pengawal”;

<p>untuk mencapai 'Site Front least squares Range' ('SFQR') kurang daripada atau sama dengan 20nm dalam mana-mana lingkungan tapak 26mm × 8mm pada permukaan hadapan dan tidak termasuk basi tepi wafer yang kurang daripada atau sama dengan 2mm.</p>	<p>minimum dari satah rujukan hadapan, dikira dengan kaedah kuasa dua terkecil dengan semua data permukaan hadapan termasuk sempadan dalam suatu tapak kawasan.</p>	
--	---	--

(v) berhubung dengan Kod Kategori 4E001, dalam ruang Nota—

(A) dengan menomborkan semula Nota sedia ada sebagai Nota 1;

- (B) dengan memasukkan selepas Nota 1 sebagaimana yang dinomborkan semula dengan nota yang berikut:

“Nota 2: Nota 1 tidak mengurangkan hak pihak berkuasa kompeten yang pengeksport itu perlu memastikan pematuhan dengan 4E001.a. dan 4E001.c.”; dan

- (C) dengan memotong Nota Teknikal;

- (vi) dalam Kategori 5 – Telekomunikasi dan “Keselamatan Maklumat”—

- (A) berhubung dengan Kod Kategori 5A001, dengan memotong Nota Teknikal yang terdapat bersetentangan dengan subbutiran .j.2.a.;

- (B) berhubung dengan Kod Kategori 5D001, dengan memasukkan selepas butiran d., butiran yang berikut:

<i>Kod Kategori</i>	<i>Perihaln Barang</i>	<i>Nota</i>	<i>Pihak Berkuasa yang berkenaan</i>
	“e. "Perisian", selain yang dinyatakan dalam 5D001.a. atau 5D001.c., yang direka bentuk khas atau diubah suai bagi pemantauan atau analisis oleh	Nota Teknikal: 1. Bagi tujuan 5D001.e., suatu 'antara muka penyerahan' adalah suatu antara muka fizikal dan logik, yang direka	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia”;

	<p>pihak penguatkuasaan undang-undang, yang memperuntukkan semua perkara yang berikut:</p> <p>1. Pencegahan carian berdasarkan “pemilih keras” sama ada kandungan komunikasi atau metadata yang diperoleh dari penyedia perkhidmatan komunikasi menggunakan 'antara muka penyerahan'; dan</p> <p>2. Pemetaan rangkaian hubungan atau mengesan pergerakan individu yang</p>	<p>untuk digunakan oleh pihak berkuasa penguatkuasaan undang-undang, di mana langkah pemintasan yang disasarkan diminta dari penyedia perkhidmatan komunikasi dan hasil pemintasan dihantar dari penyedia perkhidmatan komunikasi kepada pihak berkuasa yang meminta.</p> <p>'Antara muka penyerahan' dilaksanakan dalam sistem atau peralatan (cth., Alat pengantaraan) yang menerima dan mengesahkan permintaan pemintasan, dan</p>	
--	--	---	--

	<p>disasarkan berdasarkan hasil carian pada kandungan komunikasi atau metadata atau carian seperti yang dinyatakan dalam 5D001.e.1.</p>	<p>menyampaikan kepada pihak berkuasa yang meminta hanya hasil pemintasan yang memenuhi permintaan yang disahkan.</p> <p>2. 'Antara muka penyerahan' boleh ditentukan oleh piawaian antarabangsa (termasuk tetapi tidak terhad kepada ETSI TS 101 331, ETSI TS 101 671, 3GPP TS 33.108) atau piawaian kebangsaan yang setara.</p> <p>Nota: 5D001.e. tidak mengawal "perisian" yang direka bentuk khas</p>	
--	---	---	--

		<p>atau diubah suai untuk salah satu yang berikut:</p> <p>a. Tujuan pembayaran;</p> <p>b. Rangkaian Kualiti Perkhidmatan (QoS);</p> <p>c. Kualiti Pengalaman (QoE);</p> <p>d. Peranti pengantaran; atau</p> <p>e. Pembayaran mudah alih atau penggunaan perbankan.</p>	
--	--	--	--

- (C) berhubung dengan Kod Kategori 5E001, berkenaan dengan butiran a., dalam ruang Perihalhan Barang, dengan memasukkan selepas perkataan “yang dinyatakan dalam 5D001.a.” perkataan “atau 5D001.e.”;

(D) berhubung dengan Kod Kategori 5A002—

(i) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam butiran a., dalam ruang Perihalán Barang, dengan menggantikan perkataan “panjang kunci simetri melebihi 56 bit atau setara yang keupayaan kriptografi itu boleh digunakan tanpa ‘pengaktifan kriptografi’ atau telah diaktifkan,” dengan perkataan “‘algoritma keselamatan yang dijelaskan’ yang kemampuan kriptografi itu dapat digunakan, telah diaktifkan, atau dapat diaktifkan dengan cara ‘pengaktifan kriptografi’ yang tidak menggunakan mekanisme selamat, seperti yang berikut:”;

(ii) dalam butiran a., dalam ruang Perihalán Barang, dengan menggantikan perkataan “dengan cara ‘pengaktifan kriptografi’ yang tidak menggunakan mekanisme selamat, seperti yang berikut:” dengan perkataan “dengan apa-apa cara selain ‘pengaktifan kriptografi’ yang selamat, seperti yang berikut:”; dan

(iii) dalam ruang Nota—

(A) dengan menggantikan Nota 2.f. dengan nota yang berikut:

“f. Barang yang kefungsián “keselamatan maklumat” terhad kepada kefungsián “rangkaian kawasan peribadi” tanpa wayar, yang hanya melaksanakan terbitan atau piawaian kriptografi komersial;”; dan

- (B) dalam Nota 2.h., dengan memasukkan selepas perkataan “suis” perkataan “, penghubung”;
- (E) berhubung dengan Kod Kategori 5A004, dengan memasukkan selepas butiran a., dengan butiran yang berikut:

<i>Kod Kategori</i>	<i>Perihaln Barang</i>	<i>Nota</i>	<i>Pihak Berkuasa yang berkenaan</i>
	<p>“b. Barangan, yang tidak dinyatakan dalam 4A005 atau 5A004.a., yang direka bentuk untuk melakukan semua perkara yang berikut:</p> <p>1. 'Mendapatkan data mentah' daripada suatu peranti pengkomputeran atau peranti komunikasi; dan</p> <p>2. Pemintasan "pengesahan" atau kebenaran pengawalan</p>	<p>Nota Teknikal:</p> <p>'Mendapatkan data mentah' daripada suatu peranti pengkomputeran atau peranti komunikasi ertinya mengambil data binari daripada suatu peranti medium penstoran (cth: RAM, pemacu kilat atau cakera keras) tanpa interpretasi oleh peranti sistem operasi peranti</p>	<p>Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia”;</p>

	<p>peranti, bagi menjalankan fungsi yang dinyatakan dalam 5A004.b.1.; dan</p>	<p>atau sistem pemfailan.</p> <p>Nota1: 5A004.b. tidak mengawal sistem atau peralatan yang direka bentuk khas untuk "pembangunan" atau "pengeluaran" suatu peranti pengkomputeran atau peranti komunikasi.</p> <p>Nota 2: 5A004.b. tidak termasuk:</p> <p>a. Penyahpeijat, <i>hypervisors</i>;</p> <p>b. Butiran yang terhad kepada pengekstrakan data logik;</p> <p>c. Butiran pengekstrakan data menggunakan</p>	
--	---	--	--

		<i>chip-off</i> atau <i>JTAG</i> ; atau d. Barang yang direka bentuk khas dan terhad kepada pecah sekat atau <i>rooting</i> .	
--	--	--	--

(F) berhubung dengan Kod Kategori 5D002—

(i) dalam butiran a., dalam ruang Perihaln Barang, dengan menggantikan subbutiran a.3. dengan subbutiran yang berikut:

“3. Peralatan atau "perisian", seperti yang berikut:

- a. Peralatan yang dinyatakan dalam 5A004.a. atau "perisian" yang dinyatakan dalam 5D002.c.3.a.;
- b. Peralatan yang dinyatakan dalam 5A004.b. atau "perisian" yang dinyatakan dalam 5D002.c.3.b.”; dan

- (ii) dengan menggantikan subbutiran c.3. dengan subbutiran yang berikut:

<i>Kod Kategori</i>	<i>Perihal Barang</i>	<i>Nota</i>	<i>Pihak Berkuasa yang berkenaan</i>
	<p>"3. Peralatan, seperti yang berikut:</p> <p>a. Peralatan yang dinyatakan dalam 5A004.a. ;</p> <p>b. Peralatan yang dinyatakan dalam 5A004.b; dan</p>	<p>Nota: 5D002.c.3.b. tidak mengawal "perisian pencerobohan".</p>	<p>Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia"; dan</p>

- (G) dengan menggantikan Kod Kategori 5E002 dengan kod kategori yang berikut:

<i>Kod Kategori</i>	<i>Perihal Barang</i>	<i>Nota</i>	<i>Pihak Berkuasa yang berkenaan</i>
"5E002	"Teknologi" seperti yang berikut:		Suruhanjaya Komunikasi

	<p>a. "Teknologi" menurut Nota Teknologi Am untuk "pembangunan", "pengeluaran" atau "penggunaan" peralatan yang dinyatakan dalam 5A002, 5A003, 5A004 atau 5B002, atau "perisian" yang dinyatakan dalam 5D002.a. atau 5D002.c.</p> <p>b. "Teknologi" yang mempunyai ciri "token pengaktifan kriptografi" yang dinyatakan dalam 5A002.b.</p>	<p>Nota: 5E002.a. tidak mengawal "teknologi" bagi barangan yang dinyatakan dalam 5A004.b., 5D002.a.3.b. atau 5D002.c.3.b.</p> <p>Nota: 5E002 termasuk data teknikal "keselamatan maklumat" hasil daripada tatacara yang dijalankan untuk menilai atau menentukan pelaksanaan fungsi, sifat atau teknik yang dinyatakan dalam Kategori 5, Bahagian 2.</p>	<p>dan Multimedia Malaysia”;</p>
--	--	--	----------------------------------

(vii) berhubung dengan Kategori 6 – Penderia dan Laser—

(A) berkenaan dengan Kod Kategori 6A004, dalam subbutiran c.4., dalam ruang Perihaln Barang, dengan menggantikan perkataan “pengembangan terma linear sama dengan atau kurang daripada 5×10^{-6} dalam mana-mana arah koordinat;” dengan perkataan “pengembangan terma linear, dalam mana-mana arah koordinat, sama dengan atau kurang daripada $5 \times 10^{-6} /K$ ”;

(B) berkenaan dengan Kod Kategori 6A005—

(i) dalam subbutiran a.6.a.1., dalam ruang Perihaln Barang, dengan memotong perkataan “purata”; dan

(ii) dalam subbutiran a.6.a.2.a., dalam ruang Perihaln Barang, dengan memotong perkataan “purata”; dan

(iii) dalam subbutiran a.6.b., dengan memotong Nota Teknikal; dan

(C) berkenaan dengan Kod Kategori 6A008, dalam butiran i., dalam ruang Nota, dengan memasukkan selepas butiran Nota dengan nota teknikal:

“Nota Teknikal:

Bagi tujuan 6A008.i. 'julat teralat' adalah julat paparan jelas yang dinyatakan untuk radar.”;

(viii) berhubung dengan Kategori 7 – Navigasi dan Avionik—

(A) berkenaan dengan Kod Kategori 7A103, dalam butiran c., dalam ruang Nota—

(i) dengan menomborkan butiran Nota Teknikal sedia ada dengan butiran 1.;

(ii) dengan menomborkan semula butiran 1., 2., dan 3. sebagai subbutiran a., b., dan c.; dan

(iii) dengan memasukkan selepas butiran 1 sebagaimana yang dinomborkan semula dengan butiran yang berikut:

“2. Dalam 7A103.c. ‘CEP’ (Kebarangkalian Ralat Membulat atau Bulatan Kebarangkalian Sama) adalah suatu ukuran ketepatan, yang ditakrifkan sebagai jejari bulatan berpusat yang di dalamnya terdapat 50% kebarangkalian untuk dikesan.”; dan

(B) berkenaan dengan Kod Kategori 7A117, dalam ruang Nota, dengan memasukkan nota teknikal yang berikut:

“Nota Teknikal:

Dalam 7A117 ‘CEP’ (Kebarangkalian Ralat Membulat atau Bulatan Kebarangkalian Sama) adalah suatu ukuran ketepatan, yang ditakrifkan sebagai jejari bulatan yang berpusat pada sasaran, pada julat yang khusus, di mana 50% daripada hentaman muatan.”; dan

- (ix) berhubung dengan Kategori 9 – Aeroangkasa dan Pendorong—
- (A) berkenaan dengan Kod Kategori 9A004, dalam ruang Perihalalan Barang, dengan memasukkan selepas butiran g, butiran yang berikut:
- “h. "Pesawat sub-orbital".”;
- (B) berkenaan dengan Kod Kategori 9A011, dalam ruang Nota, dengan memasukkan selepas butiran N.B. nota teknikal yang berikut:
- “Nota Teknikal:
- Bagi tujuan 9A011, ‘enjin kitaran gabungan’ menggabungkan dua atau lebih jenis enjin yang berikut:
- Enjin turbin gas (turbojet, turboprop dan turbofan);
 - Ramjet atau skramjet;
 - Enjin roket atau motor roket (cecair/gel/ bahan dorong pepejal-propelan dan hibrid).”;
- (C) berkenaan dengan Kod Kategori 9A012, dalam ruang Nota, dengan memasukkan selepas butiran N.B. nota yang berikut:
- “N.B. Untuk "UAV" yang merupakan "pesawat sub-orbital", lihat juga 9A004.h.”;

(D) berkenaan dengan Kod Kategori 9A10—

(i) dalam butiran a., dalam ruang Perihalán Barang, dengan menggantikan butiran 1 dan 2 dengan butiran yang berikut:

- “1. ‘Nilai tujahan maksimum’ lebih besar daripada 400 N tidak termasuk enjin teraku awam dengan suatu ‘nilai tujahan maksimum’ lebih besar daripada 8,890 N;
2. Penggunaan bahan api tertentu atau kurang $0.15\text{kg N}^{-1}\text{ h}^{-1}$ ”; dan

(ii) dalam ruang Nota, dalam Nota Teknikal—

(A) dalam butiran 1., dengan memasukkan selepas perkataan “jenis enjin” perkataan “tanpa dipasang”;

(B) dengan menomborkan semula butiran 2., dan 3. sedia ada sebagai butiran 3. dan 4.; dan

(C) dengan memasukkan selepas butiran 1., dengan butiran yang berikut:

- “2. Penggunaan bahan api tertentu ditentukan pada tujahan berterusan maksimum untuk jenis enjin yang tidak dipasang pada keadaan paras laut statik yang menggunakan piawaian atmosfera ICAO.”;

- (E) berkenaan dengan Kod Kategori 9A108, dalam ruang Perihaln Barang—
- (i) dalam butiran a., dengan menggantikan perkataan “9A107, 9A009” dengan perkataan “9A009, 9A107”; dan
 - (ii) dalam butiran b., dengan menggantikan perkataan “Muncung roket, yang boleh digunakan dalam ‘misil’, subsistem yang dinyatakan dalam 9A007, 9A107, 9A009 atau 9A109.a.” dengan perkataan “Nozel roket, boleh digunakan dalam subsistem yang dinyatakan dalam 9A007, 9A009, 9A107 atau 9A109.a.”;
- (F) berkenaan dengan Kod Kategori 9B117, dalam ruang Perihaln Barang, dengan menggantikan perkataan “Meja ujian dan tempat ujian” dengan perkataan “Meja ujian atau tempat ujian”;
- (G) berkenaan dengan Kod Kategori 9D005, dalam ruang Nota, dengan memasukkan nota yang berikut:
- “N.B. Bagi “perisian” untuk barangan yang disenaraikan dalam 9A004.d. yang digabungkan ke dalam “muatan kapal angkasa lepas”, lihat Kategori yang sesuai.”; dan
- (H) berkenaan dengan Kod Kategori 9E003, dalam butiran a., dengan menggantikan subbutiran 11 dan perihal yang berhubungan dengannya butiran yang berikut:

<i>Perihal Barang</i>	<i>Nota</i>
<p>“11. ‘Bilah kipas’ mempunyai semua perkara yang berikut:</p> <p>a. 20% atau lebih daripada jumlah keseluruhan yang mempunyai satu atau lebih rongga tertutup bervakum atau gas sahaja; dan</p> <p>b. Satu atau lebih rongga tertutup yang mempunyai isipadu 5cm³ atau lebih besar;</p>	<p>Nota Teknikal:</p> <p>Bagi maksud 9E003.a.11., ‘bilah kipas’ ialah bahagian aerofoil daripada peringkat putaran atau berperingkat, yang menyediakan aliran pemampat dan pintasan dalam suatu mesin turbin gas.”.</p>

Dibuat 20 Jun 2023
 [MITI/STS/(S)536; PN(PU2)682/JLD.8]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

STRATEGIC TRADE ACT 2010

STRATEGIC TRADE (STRATEGIC ITEMS) (AMENDMENT) ORDER 2023

IN exercise of the powers conferred by section 7 of the Strategic Trade Act 2010 [*Act 708*], the Minister makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Strategic Trade (Strategic Items) (Amendment) Order 2023**.

(2) This Order comes into operation on 1 August 2023.

Amendment of Schedule

2. The Strategic Trade (Strategic Items) Order 2010 [*P.U. (A) 485/2010*] is amended in the Schedule—

(a) in Part 1: Military Items List—
